

JLand Group Berhad Privacy Notice

Last updated

1 September 2026

Introduction

We value your privacy and are committed to protecting your personal data. This Privacy Notice explains how members of the JLand Group Berhad group collect, process, and manage your personal data.

JLand Group Berhad issues this Privacy Notice, and it applies to the handling of personal data by JLand Group Berhad, its subsidiaries, and affiliates (collectively “JLand Group Berhad”, “we”, “us”, or “our”).

Your use of our websites, microsites, mobile applications, web-based applications, web-based programs, or non-digital platforms (collectively “Platforms”) in any jurisdiction, as well as your transaction at any point of sale, are subject to this Privacy Notice and the terms and conditions issued by the relevant JLand Group Berhad group member identified as transacting with you.

Your Consent

We will obtain your consent to collect and process your personal data for the purposes set out in this Privacy Notice at the time of collection, subject to certain legally prescribed circumstances where your consent is not required.

Where applicable, we obtain your express consent to collect your personal data when you perform any of the activities as set out in the section titled “Personal Data We Collect From You”. For instance, you may be asked to fill in a form, tick a box, and click a button to indicate your consent to be bound by the terms and conditions of this Privacy Notice.

In addition, when you use our Platforms, you consent to us collecting and processing your personal data in accordance with this Privacy Notice.

If you do not consent to this Privacy Notice, we may not be able to fulfil certain contractual obligations with you, provide certain products to you, or render certain services to you.

Personal Data We Collect From You

Your personal data is any information that relates directly or indirectly to you. It includes the information that you provide to us, that we collect, or that we receive from any third parties acting on your behalf. It does not include anonymous data, whereby the identity has been removed so that it can no longer be associated with you.

We may collect, process, use, store, and transfer different types of personal data about you to the extent permissible under the applicable laws and regulations:

Basic Personal Data

1. **Identity Data** includes first name, last name, national identification number, titles, signature, audio, photographs, CCTV, and video recordings of you.
2. **Contact Data** includes residential address, postal address, email address, phone number, and social network details.
3. **Demographic Data** includes date of birth, age, gender, race, ethnicity, citizenship, marital status, household income, education, professional and employment information, and household information.
4. **Psychographic Data** includes your interests, preferences, values, hobbies, and lifestyles.

5. **Profile Data** includes username and password, social media accounts, and transaction history.
6. **Device Information and Online Activity Data** includes information about your device and online identifiers, browser type, IP addresses, cookies, and how you use our Platforms, products, and services.
7. **Geolocation Data** includes GPS Coordinates and other location-related information associated with the use of our Platforms and services.

Sensitive Personal Data

We may sometimes need to collect sensitive personal data from you. We only do so if it is necessary and with your consent, to the extent permissible under the applicable laws and regulations:

1. **Financial Data** includes credit check results, banking information, payment card, or digital wallet details.
2. **Health and Medical Data** includes information about any medical history, allergies.
3. **Biometric Data** includes fingerprints, facial recognition data, and voiceprints.
4. Political opinions.
5. Religious beliefs.

How We Use Your Personal Data

We process your data based on your consent, our legitimate interests, our legal obligations, and the necessity to fulfil our contractual obligations to you.

We may use your data together with other information we collect for one or more of the following purposes ("Purposes"):

1. Perform or carry out contractual obligations arising from any contracts between you and us (i.e. Purchase and delivery of products and/or services).
2. Enable our contractors, subcontractors, third-party agents, and service providers to fulfil obligations as stipulated in your contract with us.
3. Process billing, payment, and other credit-related activities arising from your transaction with us.
4. Administer and update your records in our databases.
5. Monitor and maintain a copy of your previous transactions.
6. Facilitate the delivery, maintenance, and enhancement of our products, services, programmes, activities, and events.
7. Plan, monitor, and enhance the provision of new products, services, projects, programmes, activities, and events.
8. Provide a personalised recommendation of relevant products and services to you via various communication channels, including email, sms, phone call, social messaging applications, and in-person communication.
9. Conduct direct or indirect marketing activities, remarketing, advertising, and promotional activities on our platforms or through third-party channels, including social media, search engines, digital advertising platforms, email, sms, phone calls, and social messaging applications.
10. Perform cross-marketing activities (e.g. You may receive recommendations of products and services offered by other JLand Group Berhad group members in addition to the products or services you signed up for).
11. Conduct research and data analytics for business and administrative processes.
12. Develop, train, test, validate, deploy and improve artificial intelligence ("ai") and machine learning technologies for business operations, customer engagement, service delivery, security monitoring, analytics, marketing activities and operational efficiency. Where appropriate, personal data may be used to generate predictions, recommendations, insights or personalised experiences through ai-enabled systems.

13. Administer, manage and facilitate the leasing, occupation, operation, security and use of our commercial, retail, event and hospitality facilities, including shopping malls, convention centres and other premises.
14. Improve our customer service through your feedback and recommendations.
15. Process your inquiries for any other ancillary administrative purposes.
16. Assist in legal investigation and enforcement purposes.
17. Comply with or fulfil regulatory requirements.
18. Conduct security, surveillance, and monitoring activities.
19. Protect or defend our property, services, and legal rights.
20. Prevent fraud against the JLand Group Berhad group and others.
21. Take emergency measures to ensure the safety of our customers, personnel, or the public.
22. Purposes incidental to each or all of the above.

Sources of Personal Data

We collect your personal data from a variety of sources, including but not limited to the following:

1. When you sign up for an account on our Platforms.
2. Your execution of any contract with us or purchase of any products or services from us.
3. Your visit to the premises or use of the facilities owned, operated, managed, leased or administered by us or on our behalf, including sales galleries, golf clubs, convention centres, sports complexes, shopping malls and commercial properties (collectively “Premises”).
4. When you or your representative fills in forms such as sales forms, leasing forms, membership forms, visitor logbook, inquiry forms, or other forms made available on our Platforms or Premises.
5. Your participation in any event organised by our affiliated service provider, business partners, or us.
6. Your participation in our surveys, focus groups, or market research activities.
7. You contact us via communication channels (e.g. email, phone, SMS, social media platforms, or otherwise) for any query or to provide feedback.
8. Third-party sources, including business partners, service providers, credit reference agencies, financial institutions, regulatory bodies, and law enforcement agencies.

Who Has Access to Your Data

We may share or disclose some or all of your personal data to the following parties in connection with the Purposes described in this Privacy Notice:

1. Any member within the JLand Group Berhad group, including our subsidiaries and affiliates.
2. Business partners that we cooperate with based on contractual arrangements or joint ventures.
3. Contractors, subcontractors, service providers, suppliers, or agents.
4. Joint management body (JMB), management corporation (MC), residents’/owners’ association (RA) or other body/entity formed or to be formed in relation to our property development projects.
5. Professional advisers, including consultants, bankers, lawyers, insurers, auditors, and agencies who provide consultancy, banking, legal, insurance, accounting, credit reporting, and background check services.
6. Social media, digital advertising, and online platform providers, including Facebook, Instagram, TikTok, YouTube, LinkedIn, Google, and other platforms that we may use from time to time, for account sign-in, audience matching, remarketing, advertising measurement, and the delivery of personalised advertisements, where applicable.
7. Governmental bodies (including semi and quasi-governmental bodies), regulatory and/or supervisory authorities, law enforcement bodies.

8. Any person or entity to whom we are required or requested to make such disclosure by any court of competent jurisdiction or by any governmental, taxation, or other regulatory authority, law enforcement agency, or similar body.
9. Analytics and search engine providers that assist us in the improvement and optimisation of our Platforms.
10. Our actual or potential assignee, assignor, transferee, transferor, acquirer, or acquiree in respect of our rights, interests, and properties.
11. Third parties due to any actual or potential corporate restructuring or exercise (including but not limited to merger, acquisition, and/or the restructuring of our business, assets, and/or liabilities).
12. Such third party as requested for or authorised by you.
13. Any other third parties for any of the Purposes.

Security of Your Personal Data

All electronic storage and transmission of your personal data is secured and stored on managed servers with controlled access and appropriate security technologies.

We implement a variety of organisational, information security, and technical measures to protect your personal data against loss, misuse, destruction, unauthorised access, unauthorised modification, or similar risks. To maintain the confidentiality and integrity of your personal data, we will only share your data on a need-to-know basis.

When we engage third parties to process personal data on our behalf, we will ensure they provide sufficient guarantees to us to have implemented the necessary organisational, information security, and technical measures, and have taken reasonable steps to comply with these measures.

Use of Cookies

We use cookies to collect information about your online activity on our Platforms. A cookie is a small text file created by a website that is stored in your computer to provide a way for the website to recognise you and keep track of your preferences. The cookie makes it convenient for you such that you do not have to retype the same information again when you revisit the website or fill out electronic forms.

You may choose not to accept cookies by turning off this feature in your web browser. Note that by doing so, you may not be able to use some of the features and functions on our Platforms.

Location and Transfer of Personal Data

We may collect and process your personal data in countries other than your country of residence or the country from which you provided us with your personal data. These other countries may not have the same data protection laws as the country in which you reside or provide personal data. Where there is a need to transfer your personal data to other countries for the Purposes described in this Privacy Notice, we will ensure the transfer is accorded with similar levels of data protection as those in your country.

Retention of Your Personal Data

We retain your personal data for as long as it is necessary to fulfil any of the Purposes as outlined in this Privacy Notice, to satisfy our business or legal requirements, to properly resolve disputes, or to troubleshoot problems. In determining the retention period, we consider the amount, nature, and sensitivity of the personal data, the purposes for which we process your personal data, whether we can achieve those purposes through other means, and the applicable legal requirements. In addition, certain information may

be stored indefinitely due to technical constraints and will be blocked from further processing for purposes that are not mandatory by law.

Your Obligations

You must ensure all personal data submitted to us is complete, accurate, true, and up to date at the time of submission. We will not be liable for any damage, claim, and/or harm suffered by you due to your failure to provide or update us with your complete, accurate, true, and up-to-date personal data.

If you do not provide complete, accurate, true, and up to date personal data to us, we may not be able to fulfil certain contractual obligations with you, provide certain products to you, or render certain services to you.

If you provide us with the personal data of another individual (such as a family member, dependent, guarantor, or any other person), you agree and confirm that you have obtained that individual's consent for their personal data to be collected, used, disclosed, and processed by us in accordance with this Privacy Notice. You are responsible for ensuring that the individual is made aware of this Privacy Notice and the purposes for which their personal data is being processed.

Your Rights

You may withdraw your consent to receive marketing or promotional communications at any time by using the unsubscribe facility provided in our communications or by contacting us via the contact details provided in this Privacy Notice.

Subject to a prescribed fee, you have the right to request access, rectification, erasure, restriction, and portability of your personal data. You can also object to the processing of your personal data or withdraw your consent at any time.

Please contact us via dpo@simedarbyproperty.com should you wish to exercise your rights. Before we accede to your request, we may need to verify your identity by sighting your national personal identification document.

Personal Data of Minors and Others

In respect of personal data relating to a minor (i.e. individuals under 16 years of age, "Minor"), please note we require consent from the Minor's parent or guardian or person who has parental responsibility over the Minor.

In respect of personal data relating to an individual who is deemed incapable of managing his/her own affairs ("Special Person"), please note that we require consent from the person appointed by a court to manage the Special Person's affairs or the person who has been legally or validly authorised to act on the Special Person's behalf.

Where applicable, you hereby confirm that you are authorised to act on the Minor's or the Special Person's behalf as described above and that you consent, on the Minor's or the Special Person's behalf, to the processing (including disclosure and transfer) of the Minor's or the Special Person's personal data in accordance with this Privacy Notice.

Amendments

We recognise that data privacy is an ongoing responsibility. We may update this Privacy Notice from time to time. We will notify you of any material amendments to this Privacy Notice via notices on our Platforms, email, or other appropriate means. By continuing to engage with us or accessing our Platforms after the issuance of the revised Privacy Notice, you will be considered as having agreed to the revised Privacy Notice.

Conflict

In the event of any conflict between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Contact Us

If you have queries, requests, or complaints, or would like to exercise your rights, please contact our Data Protection Officer at strategic.communications@jlandgroup.com.my. Any query, request, or complaint should include at least the following details:

- Your full name and contact details.
- Brief description of your query, request, or complaint.

Notis Privasi JLand Group Berhad

Versi Bahasa Malaysia / Bahasa Malaysia Version

Pengenalan

Kami menghargai privasi anda dan komited untuk melindungi data peribadi anda. Notis Privasi ini bertujuan untuk menerangkan cara ahli kumpulan JLand Group Berhad mengumpul, memproses dan mengurus data peribadi anda.

JLand Group Berhad mengeluarkan Notis Privasi ini dan ia terpakai kepada cara JLand Group Berhad, syarikat-syarikat subsidiari dan sekutu (secara kolektif “JLand Group Berhad”, atau “kami”) menangani data peribadi.

Penggunaan anda terhadap laman web, mikrositus, aplikasi mudah alih, aplikasi berasaskan web, program web, atau platform bukan digital kami (secara kolektif “Platform”) di mana-mana bidang kuasa, serta transaksi anda di mana-mana titik jualan, tertakluk kepada Notis Privasi ini dan terma serta syarat yang dikeluarkan oleh ahli kumpulan JLand Group Berhad yang terlibat dalam transaksi dengan anda.

Persetujuan Anda

Kami akan mendapatkan persetujuan anda untuk mengumpul dan memproses data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini pada masa data dikumpul, kecuali dalam keadaan tertentu yang dibenarkan oleh undang-undang di mana persetujuan anda tidak diperlukan.

Di mana berkaitan, kami memperoleh persetujuan tersurat anda untuk mengumpul data peribadi apabila anda melakukan aktiviti seperti yang dinyatakan dalam seksyen "Data Peribadi yang Kami Kumpul Daripada Anda". Sebagai contoh, anda mungkin diminta mengisi borang, menandakan kotak, atau mengklik butang untuk menunjukkan persetujuan anda terhadap terma Notis Privasi ini.

Selain itu, apabila anda menggunakan Platform kami, anda memberi kebenaran kepada kami untuk mengumpul dan memproses data peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini.

Jika anda tidak memberi persetujuan kepada Notis Privasi ini, kami mungkin tidak dapat memenuhi beberapa obligasi kontrak dengan anda, menyediakan produk tertentu, atau memberikan perkhidmatan tertentu kepada anda.

Data Peribadi yang Kami Kumpul Daripada Anda

Data peribadi anda merujuk kepada maklumat yang berhubungan secara langsung atau tidak langsung dengan anda. Ia merangkumi maklumat yang anda berikan kepada kami, yang kami kumpul, atau yang kami terima daripada pihak ketiga yang bertindak bagi pihak anda. Ia tidak termasuk data tanpa nama di mana identiti anda telah dipadam dan tidak lagi boleh dikaitkan dengan anda.

Kami mungkin mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan dan memindahkan pelbagai jenis data peribadi tentang anda setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang terpakai, seperti yang berikut:

Data Peribadi Asas

1. **Data Pengenalan** — nama pertama, nama keluarga, nombor pengenalan, nombor passport, gelaran, tandatangan, rakaman audio, gambar, rakaman CCTV anda.
2. **Data Perhubungan** — alamat kediaman, alamat surat-menyurat, alamat emel, nombor telefon, dan butiran rangkaian sosial.

3. **Data Demografi** — tarikh lahir, umur, jantina, bangsa, etnik, kewarganegaraan, status perkahwinan, pendapatan isi rumah, pendidikan, maklumat profesion dan pekerjaan, serta maklumat isi rumah.
4. **Data Psikografik** — minat, keutamaan, nilai, hobi dan gaya hidup.
5. **Data Profil** — nama pengguna dan kata laluan, akaun media sosial, dan rekod transaksi.
6. **Maklumat Peranti & Data Aktiviti Dalam Talian** — maklumat tentang peranti dan pengecam dalam talian anda, jenis pelayar, alamat IP, cookies, dan cara anda menggunakan Platform, produk dan perkhidmatan kami.
7. **Data Geolokasi** — koordinat GPS serta maklumat berkaitan lokasi yang berkaitan dengan penggunaan Platform dan perkhidmatan kami.

Data Peribadi Sensitif

Kami kadangkala mungkin perlu mengumpul data peribadi sensitif daripada anda jika perlu dan dengan persetujuan anda, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan:

1. **Data Kewangan** — hasil semakan kredit, maklumat perbankan, maklumat kad pembayaran atau dompet digital.
2. **Data Kesihatan & Perubatan** — maklumat dan keadaan kesihatan, alahan.
3. **Data Biometrik** — cap jari, data pengecaman wajah, dan cap suara.
4. Pendapat Politik.
5. Kepercayaan Agama.

Bagaimana Kami Menggunakan Data Peribadi Anda

Kami memproses data anda berdasarkan persetujuan anda, kepentingan sah kami, kewajiban undang-undang kami, dan keperluan untuk memenuhi obligasi kontrak terhadap anda.

Kami mungkin menggunakan data anda bersama maklumat lain yang kami kumpul untuk satu atau lebih tujuan berikut (“Tujuan”):

1. Melaksanakan atau memenuhi obligasi kontrak yang timbul daripada sebarang kontrak antara anda dan kami (contohnya pembelian dan penghantaran produk dan/atau perkhidmatan).
2. Membolehkan kontraktor, subkontraktor, ejen pihak ketiga dan pembekal perkhidmatan kami memenuhi obligasi seperti yang dinyatakan dalam kontrak anda dengan kami.
3. Memproses pengebilan, pembayaran dan aktiviti berkaitan kredit lain yang timbul daripada transaksi anda dengan kami.
4. Mentadbir dan mengemas kini rekod anda dalam pangkalan data kami.
5. Menyimpan dan memantau salinan rekod transaksi anda yang terdahulu.
6. Memudahkan penghantaran, penyenggaraan dan peningkatan produk, perkhidmatan, program, aktiviti dan acara kami.
7. Merancang, memantau dan mempertingkatkan penyediaan produk, perkhidmatan, projek, program, aktiviti dan acara baharu.
8. Memberi cadangan peribadi mengenai produk dan perkhidmatan yang relevan kepada anda melalui pelbagai saluran komunikasi termasuk emel, SMS, panggilan telefon, aplikasi sosial media, dan komunikasi bersemuka.
9. Menjalankan aktiviti pemasaran secara langsung atau tidak langsung, pemasaran semula, pengiklanan dan promosi melalui Platform kami atau saluran pihak ketiga, termasuk media sosial, enjin carian, platform pengiklanan digital, e-mel, SMS, panggilan telefon dan aplikasi sosial media.
10. Melakukan aktiviti pemasaran silang (contohnya anda mungkin menerima cadangan produk dan perkhidmatan daripada ahli kumpulan JLand Group Berhad yang lain selain daripada produk/perkhidmatan yang anda daftarkan).
11. Menjalankan penyelidikan dan analitik data untuk tujuan perniagaan dan pentadbiran.

12. Membangunkan, melatih, menguji, mengesahkan, melaksanakan dan menambah baik teknologi kecerdasan buatan ("AI") dan pembelajaran mesin bagi tujuan operasi perniagaan, penglibatan pelanggan, penyampaian perkhidmatan, pemantauan keselamatan, analitik, aktiviti pemasaran dan kecekapan operasi. Jika berkenaan, data peribadi boleh digunakan untuk menghasilkan ramalan, cadangan, analisis atau pengalaman yang diperibadikan melalui sistem yang dipacu oleh AI.
13. Mentadbir, mengurus dan memudah cara urusan penyewaan, pendudukan, operasi, keselamatan dan penggunaan premis serta kemudahan komersial, runcit, acara dan hospitaliti kami, termasuk pusat beli-belah, pusat konvensyen dan premis-premis lain.
14. Meningkatkan perkhidmatan pelanggan kami melalui maklum balas dan cadangan anda.
15. Memproses pertanyaan anda untuk sebarang tujuan pentadbiran sampingan yang lain.
16. Membantu dalam penyiasatan undang-undang dan tujuan penguatkuasaan.
17. Mematuhi atau memenuhi keperluan kawal selia.
18. Menjalankan aktiviti keselamatan, pengawasan dan pemantauan.
19. Melindungi atau mempertahankan harta, perkhidmatan dan hak undang-undang kami.
20. Mencegah penipuan terhadap kumpulan JLand Group Berhad dan pihak lain.
21. Mengambil langkah kecemasan untuk memastikan keselamatan pelanggan, kakitangan atau orang awam.
22. Tujuan-tujuan yang berkaitan dengan semua atau mana-mana perkara di atas.

Sumber Data Peribadi

Kami mengumpul data peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. Apabila anda mendaftar akaun pada Platform kami.
2. Pelaksanaan sebarang kontrak dengan kami atau pembelian produk atau perkhidmatan daripada kami.
3. Lawatan anda ke premis atau penggunaan fasiliti yang dimiliki, dikendalikan, diurus atau ditadbir oleh kami atau bagi pihak kami, termasuk galeri jualan, kelab golf, pusat konvensyen, kompleks sukan, pusat beli-belah dan hartanah komersial ("Premis").
4. Apabila anda atau wakil anda mengisi borang seperti borang jualan, borang pajakan, borang keahlian, buku log pelawat, borang pertanyaan atau borang lain yang disediakan di Platform atau Premis kami.
5. Penyertaan anda dalam acara yang dianjurkan oleh pembekal perkhidmatan kami, rakan kongsi perniagaan, atau kami.
6. Penyertaan anda dalam tinjauan, kumpulan fokus atau aktiviti penyelidikan pasaran kami.
7. Anda menghubungi kami melalui saluran komunikasi (contohnya emel, telefon, SMS, platform media sosial atau lain-lain) untuk sebarang pertanyaan atau untuk memberikan maklum balas.
8. Sumber pihak ketiga, termasuk rakan kongsi perniagaan, pembekal perkhidmatan, agensi rujukan kredit, institusi kewangan, pihak berkuasa pengawalseliaan dan pihak penguatkuasa undang-undang.

Siapa yang Mempunyai Akses kepada Data Peribadi Anda

Kami mungkin menzahirkan sebahagian atau semua data peribadi anda kepada pihak berikut berhubung dengan Tujuan yang diterangkan dalam Notis Privasi ini:

1. Mana-mana ahli dalam kumpulan JLand Group Berhad, termasuk subsidiari dan sekutu kami.
2. Rakan kongsi perniagaan yang kami bekerjasama berdasarkan perjanjian kontrak atau usaha sama.
3. Kontraktor, subkontraktor, pembekal perkhidmatan, pembekal atau ejen.
4. Badan pengurusan bersama (JMB), perbadanan pengurusan (MC), persatuan penduduk (RA), pemilik badan atau entiti undang-undang lain yang ditubuhkan atau akan ditubuhkan berkaitan projek pembangunan hartanah kami.
5. Penasihat profesional termasuk perunding, bank, peguam, syarikat insurans, juruaudit dan agensi yang menyediakan perkhidmatan perundingan, perbankan, undang-undang, insurans, perakaunan, laporan kredit dan pemeriksaan latar belakang.

6. Penyedia media sosial, platform pengiklanan digital dan platform dalam talian, termasuk Facebook, Instagram, TikTok, YouTube, LinkedIn, Google serta platform lain yang mungkin kami gunakan dari semasa ke semasa, bagi tujuan log masuk akaun, Pemadanan Kumpulan Sasaran, pemasaran semula, pengukuran prestasi pengiklanan serta penyampaian iklan dan kandungan yang diperibadikan, jika berkenaan.
7. Badan kerajaan (termasuk tanpa had jabatan separa dan kuasi kerajaan), pihak penguatkuasa undang-undang dan/atau pihak berkuasa pengawalseliaan.
8. Mana-mana pihak atau entiti yang dikehendaki atau diminta oleh mahkamah yang berwibawa atau oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, percukaian atau pengawalseliaan, pihak penguatkuasa undang-undang atau badan serupa untuk pendedahan.
9. Penyedia analitik dan enjin carian yang membantu kami meningkatkan dan mengoptimumkan Platform kami.
10. Penerima hak, penyerah hak, penerima pindah milik, pemberi pindah milik, pemeroleh atau perolehan, yang sebenar atau berpotensi berkenaan dengan hak, kepentingan dan harta.
11. Pihak ketiga disebabkan oleh penstrukturan semula atau pelaksanaan korporat yang sebenar atau berpotensi (termasuk tetapi tidak terhad kepada penggabungan, pengambilalihan dan/atau penstrukturan semula perniagaan, aset dan/atau liabiliti kami).
12. Mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda.
13. Mana-mana pihak ketiga lain untuk mana-mana Tujuan yang dinyatakan.

Keselamatan Data Peribadi Anda

Semua penyimpanan dan penghantaran elektronik data peribadi anda disimpan dan dilindungi dengan selamat pada pelayan yang diurus dengan akses terkawal dan teknologi keselamatan yang sesuai.

Kami melaksanakan pelbagai langkah organisasi, keselamatan maklumat dan teknikal untuk melindungi data peribadi anda daripada kehilangan, penyalahgunaan, kemusnahan, akses tanpa kebenaran, pengubahsuaian tanpa kebenaran atau risiko serupa. Untuk mengekalkan kerahsiaan dan integriti data peribadi anda, kami hanya menzahirkan data peribadi anda mengikut prinsip keperluan untuk mengetahui (need-to-know).

Apabila kami melantik pihak ketiga untuk memproses data peribadi bagi pihak kami, kami akan memastikan mereka memberikan jaminan yang mencukupi kepada kami untuk melaksanakan langkah-langkah organisasi, keselamatan maklumat dan teknikal yang diperlukan, dan mereka telah mengambil langkah wajar untuk mematuhi.

Penggunaan Cookies

Kami menggunakan Cookies untuk mengumpul maklumat mengenai aktiviti dalam talian anda di Platform kami. Cookies ialah fail teks kecil yang dicipta oleh laman web dan disimpan pada peranti anda untuk membolehkan laman web mengenali anda dan menjejaki pilihan anda. Cookies memudahkan anda supaya anda tidak perlu menaip semula maklumat yang sama apabila anda melawat semula laman web atau mengisi borang elektronik.

Anda boleh memilih untuk tidak menerima Cookies dengan melumpuhkan ciri ini dalam pelayar web anda. Harap maklum bahawa dengan berbuat demikian anda mungkin tidak dapat menggunakan beberapa ciri dan fungsi pada Platform kami.

Lokasi dan Pemindahan Data Peribadi

Kami mungkin mengumpul dan memproses data peribadi anda di negara selain negara anda menetap atau negara daripada mana anda memberikan data peribadi kepada kami. Negara-negara lain ini mungkin mempunyai undang-undang perlindungan data yang berbeza daripada negara tempat anda menetap atau

memberikan data peribadi. Jika terdapat keperluan untuk memindahkan data peribadi anda ke negara lain bagi Tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, kami akan memastikan pemindahan tersebut diberikan tahap perlindungan yang serupa dengan tahap perlindungan di negara anda.

Penyimpanan Data Peribadi Anda

Kami menyimpan data peribadi anda selama tempoh yang diperlukan untuk memenuhi mana-mana Tujuan seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini, untuk memenuhi keperluan perniagaan atau kewajipan undang-undang kami, untuk menyelesaikan pertikaian atau masalah. Dalam menentukan tempoh penyimpanan kami mempertimbangkan jumlah, sifat dan sensitiviti data peribadi, tujuan pemprosesan, sama ada tujuan tersebut boleh dicapai melalui cara lain, dan keperluan undang-undang yang berkenaan. Selain itu, maklumat tertentu mungkin disimpan tanpa had masa disebabkan oleh kekangan teknikal dan akan disekat daripada pemprosesan selanjutnya bagi tujuan yang tidak diwajibkan oleh undang-undang.

Tanggungjawab Anda

Anda mesti memastikan semua data peribadi yang diberikan kepada kami adalah lengkap, tepat, benar dan terkini pada masa penyerahan. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, tuntutan dan/atau kemudaratan yang anda alami akibat kegagalan anda memberikan atau mengemas kini data peribadi yang lengkap, tepat, benar dan terkini.

Jika anda tidak memberikan data peribadi yang lengkap, tepat, benar dan terkini kepada kami, kami mungkin tidak dapat memenuhi beberapa obligasi kontrak dengan anda, menyediakan produk tertentu, atau memberi perkhidmatan tertentu kepada anda.

Jika anda memberikan data peribadi individu lain (seperti ahli keluarga, tanggungan, penjamin atau orang lain), anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan individu tersebut untuk data peribadi mereka dikumpul, digunakan, didedahkan dan diproses oleh kami selaras dengan Notis Privasi ini. Anda bertanggungjawab memastikan bahawa individu tersebut dimaklumkan tentang Notis Privasi ini dan tujuan pemprosesan data peribadi mereka.

Hak Anda

Anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda bagi menerima komunikasi pemasaran atau promosi pada bila-bila masa dengan menggunakan kemudahan nyahlanggan yang disediakan dalam komunikasi kami atau dengan menghubungi kami melalui maklumat perhubungan yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini.

Tertakluk kepada fi yang ditetapkan, anda berhak meminta akses, pembetulan, pemadaman, sekatan dan kemudahalihan data peribadi anda. Anda juga boleh membantah pemprosesan data peribadi anda atau menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa.

Sila hubungi kami melalui dpo@simeдарbyproperty.com sekiranya anda ingin melaksanakan hak anda. Sebelum kami memenuhi permintaan anda, kami mungkin perlu mengesahkan identiti anda dengan melihat dokumen pengenalan peribadi anda.

Data Peribadi Kanak-kanak dan Orang Lain

Bagi data peribadi yang berkaitan dengan kanak-kanak (iaitu individu di bawah umur 16 tahun, “Kanak-kanak”), sila ambil maklum bahawa kami memerlukan persetujuan daripada ibu bapa atau penjaga Kanak-kanak atau orang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap Kanak-kanak tersebut.

Bagi data peribadi yang berkaitan dengan individu yang dianggap tidak mampu menguruskan hal-hal sendiri (“Orang Khas”), kami memerlukan persetujuan daripada orang yang dilantik oleh mahkamah untuk mengurus

hal Orang Khas tersebut atau orang yang telah diberi kuasa secara sah untuk bertindak bagi pihak Orang Khas tersebut.

Di mana berkenaan, anda mengesahkan bahawa anda telah diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kanak-kanak atau Orang Khas seperti yang diterangkan di atas dan bahawa anda memberi persetujuan, bagi pihak Kanak-kanak atau Orang Khas, kepada pemprosesan (termasuk pendedahan dan pemindahan) data peribadi Kanak-kanak atau Orang Khas tersebut selaras dengan Notis Privasi ini.

Pindaan

Kami mengakui bahawa pemeliharaan privasi data adalah tanggungjawab berterusan. Kami mungkin mengemaskini Notis Privasi ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda mengenai pindaan material kepada Notis Privasi ini melalui notis di Platform kami, emel atau cara lain yang sesuai. Dengan terus berurusan dengan kami atau mengakses Platform kami selepas pengeluaran Notis Privasi yang dikemaskini, anda akan dianggap telah bersetuju menerima Notis Privasi yang dikemaskini.

Konflik

Sekiranya terdapat apa-apa konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Hubungi Kami

Jika anda mempunyai pertanyaan, permintaan, aduan, atau ingin melaksanakan hak anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di strategic.communications@jlandgroup.com.my. Sebarang pertanyaan, permintaan atau aduan hendaklah sekurang-kurangnya menyertakan maklumat berikut:

- Nama penuh dan butiran hubungan anda.
- Penerangan ringkas mengenai pertanyaan, permintaan atau aduan anda.